

13/09/2003

Bajet prihatin memacu kemajuan negara

BAJET 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam memenuhi keperluan pelbagai lapisan rakyat di samping meringankan beban serta membantu masyarakat menghadapi cabaran hidup dan usaha memacu lagi kemajuan ekonomi negara. Ia menggariskan beberapa inisiatif dasar yang berani serta mengambil kira perkembangan dan kemajuan pesat ekonomi dan sosial Malaysia selama setengah abad lalu di samping membuka jalan menjamin kesejahteraan rakyat jelata dalam mengharungi cabaran pada abad ke-21. Kerajaan jelas sungguh prihatin terhadap dugaan dan keperluan penduduk golongan sederhana dan miskin tetapi tidak pula membebankan yang lain.

Di sebalik tumpuan diberikan kepada pelbagai aspek pembangunan ekonomi, langkah-langkah memperkukuhkan ikatan sosial sambil melahirkan masyarakat penyayang bagi meningkatkan lagi mutu hidup dan kesejahteraan rakyat amnya, tetap dititikberatkan. Dari segi mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi, pelbagai insentif menarik diberikan kepada pengusaha industri sederhana dan kecil dan melahirkan barisan usahawan anak tempatan yang diharap mampu bersaing di pasaran global. Beberapa langkah dan polisi yang digubal tidak syak lagi bertujuan membangunkan kecemerlangan yang lebih luas dalam bidang utama seperti perdagangan, pembuatan, pertanian, pendidikan dan pelancongan. Apa yang menarik juga adalah perhatian dari segi peruntukan pembangunan tetap diberikan kepada semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Jika dihitung perhatian diberikan kepada rakyat, senarainya cukup panjang. Bagi memastikan pembeli rumah kos rendah dijamin mendapat kediaman diidamkan, kerajaan mengambil alih pembinaan rumah berkenaan sedang projek perumahan terbengkalai juga dimajukan semula oleh agensi kerajaan. Graduan menganggur tidak ada alasan mengeluh dengan skim latihan diteruskan manakala pelajar dibiayai PTPTN hanya perlu membayar pinjaman itu dengan kadar faedah lebih rendah dan hanya tiga tahun selepas bekerja. Penjaja kecil pula berpeluang mendapat pinjaman skim kredit mikro bagi menggantikan gerai usang, membeli kanopi dan kerusi meja ala Bintang Walk. Lebih ramai lagi peniaga kecil akan berpeluang mendapatkan pinjaman menerusi skim kredit mikro diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia dengan tambahan RM1 bilion diperuntukkan.

Penunggang motosikal di bawah 150 cc tidak lagi perlu membayar cukai jalan. Ini menguntungkan juga pelajar di kampus yang banyak menggunakan kenderaan itu. Bagi peneroka Felda, masa depan mereka akan lebih terjamin dengan pengapungan syarikat perladangan itu di BSKL dengan mereka turut sama memiliki ekuiti. Penguat kuasa diberikan kemudahan dan faedah sebagaimana anggota keselamatan lain sedang jemaah haji menikmati potongan bagi kos mengerjakan ibadat itu. Caj laluan bagi pengguna internet pula dikurangkan sedang pembayar cukai diberi pelepasan bagi anak dengan kadarnya menjadi RM1,000 bagi setiap seorang anak.

Dengan negara kini menikmati keadaan guna tenaga penuh sehingga menguntungkan juga pekerja asing, kerajaan mengambil langkah tegas mengubah sandaran pembangunan ekonomi daripada bergantung kepada pelaburan langsung asing kepada pelaburan diterajui pengusaha tempatan. Ini tidak syak lagi sejajar dasar menjadikan negara bukan saja tumpuan pelabur, malah juga pengeluar dan pengeksport barangan. Ini memerlukan sektor swasta domestik membuat dan mengeluarkan produk jenama Malaysia berkualiti setaraf dunia yang mampu menembusi pasaran antarabangsa. Bagaimanapun, bagi mempercepatkan lagi pencapaian itu, kerajaan akan meminta Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Proton dan Petronas, syarikat-syarikat milik Khazanah serta Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan syarikat lain milik kerajaan, untuk menerajui pembangunan produk dan teknologi tempatan.

Dalam ucapan belanjawan terakhir beliau sebelum bersara Oktober depan, Dr Mahathir tetap mengingatkan rakyat selaku penggerak utama kejayaan yang kita peroleh, kemakmuran yang kita nikmati dan kegemilangan negara tidak syak lagi kerana adanya semangat Keranamu Malaysia. Tetap penting juga adalah kita telah berjaya melakukan anjakan minda dan menjadi sebuah masyarakat yang berwibawa, moden dan progresif yang mempunyai pemikiran yang tajam, bangga dengan kejayaan serta yakin kepada kebolehan kita sendiri, sesuai dengan aliran zaman maklumat.